

Media : Utusan TV

Date : 31 January 2024

UtusanTV LAMAN UTAMA ▾ SEMASA ▾ MASTIKA ▾ URTV ▾ WANITA ▾ AL-ISLAM ▾ SAJI ▾ HIJAB ▾ TV ▾

Semasa Bisnes

Ajinomoto x Le Creuset tawar hadiah RM38,888 sempena Tahun Baharu Cina

Oleh Afiq Mohd. Shah · January 31, 2024



AJINOMOTO (Malaysia) Berhad dengan kerjasama jenama peralatan memasak, Le Creuset menawarkan pengalaman luar biasa kepada pengguna sambutan Tahun Baharu Cina dengan hadiah bernilai sehingga RM38,888.

Ajinomoto dalam kenyataan memaklumkan, Kempen Beli & Menang yang telah pun bermula sejak 1 Januari hingga 29 Februari depan memberi pengguna pengalaman baharu dengan pelbagai resepi perayaan.

Menurut Ajinomoto, pelbagai hadiah menarik disediakan dengan hadiah utamanya iaitu barang memasak Le Creuset's Round French Oven dan Square Skillet Grill.

Katanya, pemenang tempat kedua pula berpeluang memenangi Le Creuset's Round Skillet dan set manguk nasi.

"Tempat ketiga pula akan memenangi hadiah Le Creuset's Stockpot.

"Selain itu, terdapat lapan hadiah sagu hati iaitu Le Creuset's Sauce Pan yang boleh dimenangi serta 20 pemenang dwibulanan yang akan menerima kredit Touch & Go bernilai RM50 dengan lima pemenang dipilih dwibulanan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Ajinomoto memberitahu, setiap peserta juga akan diberi ganjaran tambahan iaitu baucar RM50 Le Creuset setelah penyertaan berjaya dihantar.

Baca artikel lain: Ajinomoto lancar laman web memasak Smart Cooking

Syarikat itu memberitahu, peserta hanya perlu melakukan dua langkah mudah untuk menyertai pertandingan itu iaitu membuat pembelian minimum bernilai RM15 produk Ajinomoto dalam satu resit.

Jelasnya, peserta kemudiannya perlu berkongsi gambar resit beserta butiran iaitu nama penuh dan nombor kad pengenalan serta menghantarkannya menerusi aplikasi WhatsApp di talian 019-2209950.

"Pada masa sama, orang ramai juga boleh mempelajari sembilan koleksi resepi Tahun Baharu Cina yang mudah dan istimewa.

"Resepi seperti aneka cendawan goreng bersama abalon dan kekapis, udang dan kepah bawang putih kukus; sup ayam; fish maw dan Ajinomoto gyoza.

"Setiap hidangan dilimpahi kasih sayang dan memberi kenangan abadi bagi membantu anda memahami moto 'Eat Well, Live Well,'" katanya.




Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru




Laungan "Daulat Tuanku" iringi keberangkatan Sultan Ibrahim ke Istana Negara

January 31, 2024




Cakna kepentingan ilmu, perkasa ummah jadikan Sultan Nazrin dikagumi rakyat

January 31, 2024



Sultan Nazrin Shah angkat sumpah Timbalan Yang di-Pertuan Agong, buat kali...

January 31, 2024



Lelaki maut selepas Myvi bertembung lori di Bagan Serai

January 31, 2024